

Headline	Penghidap Aids kian menurun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	10	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	43 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 883
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,649



Penghidap Aids kian menurun

KUALA LUMPUR: Jumlah penghidap HIV/Aids kini menunjukkan penurunan berbanding 10 tahun lalu hasil tindakan proaktif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan badan bukan kerajaan (NGO) mengawal penularan penyakit berbahaya itu.

Malah, bagi lapan bulan pertama tahun ini, KKM merekodkan seramai 2,241 kes baru membabitkan pengidap HIV/Aids dan menjangkakan sehingga penghujung tahun ini seramai 3,300 kes atau 11.6 peratus berbanding tahun lalu seramai 3,479 kes atau 12.2 peratus.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, KKM, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman berkata, kerajaan berjaya mengawal HIV/Aids daripada merebak dan kini melepasi tahap epidemik secara berterusan.